

16.6.2026

Siaran Media 1: Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-26 PBA Holdings Bhd (PBAHB)

YAB TUAN CHOW KON YEOW

Ketua Menteri Pulau Pinang dan Pengerusi PBAHB dan PBAPP.

PBAHB 2025: KEKAL DI LANDASAN KECEMERLANGAN DENGAN 12 ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

- **Keuntungan Selepas Cukai (PAT): RM114.55 juta**
- **Jumlah dividen: 5.0 sen sesaham bagi tahun 2025**
- **Pelancaran program sukuk bernilai RM5 bilion**

PULAU PINANG, Selasa, 16.6.2026: Pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) hari ini, PBA Holdings Bhd (PBAHB) telah meluluskan **dividen akhir sebanyak 2.75 sen sesaham**.

Ini bermakna PBAHB memberikan ganjaran kepada 6,996 pemegang sahamnya dengan jumlah dividen sebanyak 5.0 sen sesaham bagi tahun kewangan 2025. Pada 2.1.2026, PBAHB telah membayar dividen interim sebanyak 2.25 sen sesaham.

Jumlah pembayaran dividen akhir yang diluluskan hari ini ialah RM9.1 juta, dan akan dibayar pada 24.7.2026. Untuk makluman, tahun 2026 menandakan **tahun ke-25 berturut-turut PBAHB membayar dividen kepada para pemegang sahamnya**.

Bagi tahun kewangan 2025, PBAHB mencatatkan hasil sebanyak RM568.44 juta berbanding RM527.60 juta pada tahun 2024. Kira-kira 85% (RM483.20 juta) daripada hasil tahun 2025 dijana oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) melalui jualan air kepada pengguna-pengguna berdaftar di Pulau Pinang.

Keuntungan sebelum cukai (PBT) ialah RM157.36 juta pada tahun 2025 berbanding RM149.34 juta pada tahun 2024.

Walau bagaimanapun, keuntungan selepas cukai (PAT) menurun daripada RM144.17 juta pada tahun 2024 kepada RM114.55 juta pada tahun 2025. Faktor utama penurunan PAT ini ialah peningkatan ketara dalam perbelanjaan cukai.

Perbelanjaan cukai PBAHB meningkat kepada RM42.81 juta pada tahun 2025 berbanding RM5.17 juta pada tahun 2024. Dalam tempoh yang ditinjau, anak syarikat utama PBAHB, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), telah dimaklumkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bahawa syarikat tersebut

tidak layak menerima elaun pelaburan semula di bawah insentif PENJANA bagi Tahun Taksiran (YA) 2020 hingga YA 2024.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, sebahagian besar PAT PBAHB akan dilaburkan semula sebagai perbelanjaan modal (CAPEX) untuk projek-projek bekalan air di Pulau Pinang demi manfaat rakyat negeri Pulau Pinang.

12 Anugerah dan Pengiktirafan

Prestasi operasi PBAHB dan PBAPP telah diiktiraf menerusi 12 anugerah dan pengiktirafan utama yang diterima sepanjang tahun 2025 dan suku pertama tahun 2026.

Antara pengiktirafan tersebut ialah:

- “*Malaysia Water Award for Management 2025*” bagi kepimpinan cemerlang dalam pengurusan bekalan air daripada Persatuan Air Malaysia (MWA).
- “Anugerah Emas” dalam kategori ekonomi kitaran dan guna semula air (bagi Projek Kitar Semula Sisa Rawatan Air Sifar Sisa PBAPP di Loji Rawatan Air Sungai Dua), sempena *Malaysia International Water Convention 2025 (MIWC 2025)*.
- Dua “*The Edge Centurion Awards 2025*” bagi pertumbuhan tertinggi keuntungan selepas cukai (PAT) dalam tempoh tiga tahun serta pulangan tertinggi kepada pemegang saham dalam tempoh tiga tahun daripada The Edge Media Group.
- Penarafan “*AAA/Stable*” bagi Program Nota Jangka Sederhana Islamik (IMTN) bernilai RM5 bilion serta penarafan “*Gold Sustainable Finance*” bagi kerangka kewangan mampan oleh RAM Rating Services Berhad dan RAM Sustainability Sdn Bhd.
- Tersenarai dalam “Bursa Malaysia Quality 50 Index” atas prestasi keuntungan, struktur modal dan kualiti pendapatan.

Senarai penuh anugerah dan pengiktirafan adalah seperti di Lampiran A.

Program Sukuk RM5 Bilion

Dari sudut kewangan, perkembangan utama PBAHB pada tahun 2025 ialah pelancaran Program Sukuk RM5.0 bilion dan Kerangka Kewangan Mampan oleh PBAPP.

PBAPP merupakan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (GLC Pulau Pinang) yang pertama berjaya melancarkan Program Nota Jangka Sederhana Islam

(IMTN), dengan sokongan penarafan tertinggi daripada RAM Rating. Untuk rekod, RAM Rating merupakan antara agensi penarafan kredit sukuk terkemuka di Malaysia.

Program sukuk ini akan memberi impak positif yang besar kepada pembangunan bekalan air di Pulau Pinang. Ia membolehkan PBAPP untuk mendapatkan pembiayaan jangka sederhana dan panjang daripada pasaran modal Malaysia secara mampan.

Dana yang diperoleh menerusi program sukuk ini akan digunakan bagi membiayai projek-projek di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030), perbelanjaan modal (CAPEX), perbelanjaan operasi (OPEX), keperluan pembiayaan semula serta inisiatif hijau dan sosial yang layak di bawah kerangka kewangan mampan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
E-mel : comms@pba.com.my

Lampiran A: Anugerah dan Pengiktirafan yang diterima oleh PBAPP dan PBAHB pada 2025 dan awal 2026

Tarikh	Anugerah dan Pengiktirafan	Diterima daripada
1. 8.7.2025	Penarafan “AAA/Stable” bagi Program Nota Jangka Sederhana Islamik (IMTN) bernilai RM5 bilion	RAM Rating Services Berhad
2. 8.7.2025	Penarafan “Gold Sustainable Finance” bagi Kerangka Kewangan Mampan	RAM Sustainability Sdn Bhd
3. 5.8.2025	<i>The Edge Centurion Award 2025*</i> : “Pertumbuhan Tertinggi Keuntungan Selepas Cukai (PAT) dalam tempoh tiga tahun”	The Edge Media Group
4. 5.8.2025	<i>The Edge Centurion Award 2025*</i> : “Pulangan Tertinggi kepada Pemegang Saham dalam tempoh tiga tahun”	The Edge Media Group
5. 14.10.2025	“ <i>Malaysia Water Award for Management 2025</i> ” bagi kepimpinan cemerlang dalam pengurusan bekalan air	Persatuan Air Malaysia (MWA)
6. 15.10.2025	“Anugerah Emas” dalam kategori ekonomi kitaran dan guna semula air “ <i>Malaysia International Water Convention 2025 (MIWC 2025)</i> ”	MIWC 2025
7. 5.11.2025	“Penyelenggaraan Empangan Terbaik”: Empangan Teluk Bahang	Persidangan Antarabangsa Ketiga mengenai Pengurusan dan Kejuruteraan Keselamatan Empangan 2025 (ICDSME 2025)
8. 12.11.2025	“Senarai Pilihan ESG: Pengiktirafan “3 Bintang” untuk inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus	United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB)
9. 12.1.2026	Indeks Bursa Malaysia Quality 50 bagi prestasi keuntungan, struktur modal dan kualiti pendapatan	Bursa Malaysia
10. 29.1.2026	Anugerah “ <i>Forward Faster Sustainability CEO</i> ” kepada Dato' Ir. Pathmanathan K.	UNGCMYB
11. 11.2.2026	Anugerah RAM Blueprint 2025 bagi penerbitan berjaya Program Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) bernilai RM5 bilion dengan penarafan awal AAA/Stable	RAM Rating Services Berhad
12. 11.2.2026	Anugerah RAM Blueprint 2025 bagi penarafan “ <i>Gold Sustainable Finance</i> ”	RAM Rating Services Berhad

* Kategori telekomunikasi, media dan utiliti untuk syarikat tersenarai awam dengan permodalan pasaran kurang daripada RM1 bilion.